

23 DEC 2000

Syed Hamid-Suhakam

REPUTASI MALAYSIA MENONJOL MENERUSI PENUBUHAN SUHAKAM

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), yang dianggap satu langkah berani, telah meningkatkan reputasi Malaysia dan menjadikan negara ini semakin dihormati dalam aspek hak asasi manusia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata apa yang lebih membanggakan ialah Suhakam telah berjaya mencetuskan perbincangan dan percambahan fikiran mengenai soal hak asasi di kalangan rakyat.

Katanya kerajaan telah mengambil langkah berani, terbuka dan telus untuk menubuhkan suruhanjaya bebas itu.

"Perlu diingat bahawa Suhakam ditubuhkan walaupun konsep-konsep hak asasi yang diutarakan oleh Barat tidak sesuai dengan sistem nilai di Malaysia," katanya kepada Bernama di sini.

Mengenai komposisi anggota suruhanjaya itu yang didakwa tidak bebas dan mempunyai kepentingan tersendiri, Syed Hamid berkata keanggotaan Suhakam telah mendapat reaksi positif termasuk daripada masyarakat antarabangsa.

"Banyak pandangan orang luar menyatakan keahlian yang dilantik adalah suatu yang berwibawa, mempunyai integriti. Jadi, terpulang kepada rakyat kemudian apabila Suhakam melaksanakan tugas mereka, untuk membuat ukuran," katanya.

Beliau berkata anggota Suhakam dipilih daripada nama-nama yang dicadangkan kepada Kementerian Luar yang kemudiannya meneliti, menyemak latar belakang, kelayakan serta reputasi seseorang dengan mendalam.

"Pemilihan dilakukan dengan amat teliti, kita ambil masa hampir setahun untuk mencari mereka yang mempunyai masa, dedikasi, reputasi, ada nama dan yang boleh bertugas dengan baik," katanya.

Selepas itu barulah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dicalonkan pelantikan berkenaan kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Antara ciri-ciri pemilihan 13 anggota suruhanjaya itu ialah kedudukan mereka sebagai anggota masyarakat yang dihormati, memahami soal kemanusiaan dan hal ehwal kemasyarakatan di samping kepakaran, kelayakan, reputasi dan kebolehan mereka untuk menjalankan tugas dengan baik.

"Asas yang kita gunakan apabila melantik individu ini ialah mereka mesti mempunyai integriti, kredibiliti dan mempunyai kebebasan," katanya.

Suhakam juga mempunyai anggota yang mewakili kelompok agama dan kaum yang berlainan, kepakaran yang berbeza-beza serta peringkat umur yang berlainan.

Ia ditubuhkan mengikut Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999. Akta itu diwartakan pada 9 Sept tahun lepas dan dikuatkuasakan mulai 20 April lepas. Suhakam dipengerusikan oleh bekas timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam yang pernah menjadi wakil Malaysia di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dari 1993 hingga 1998.

Dua belas anggotanya terdiri bekas Hakim Mahkamah Agung Tan Sri Harun Hashim, bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Sabah Tan Sri Simon Sipaun, bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Datuk Dr Salleh Mohd Nor, aktivis sosial Datuk Lee Lam Thye, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar, ahli politik Datuk K. Pathmanaban, aktivis kepenggunaan Prof Mohd Hamdan Adnan, pensyarah Undang-undang Prof Mehrun Siraj, tokoh akademik Dr Chiam Heng Keng, Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah dan aktivis wanita Zainah Anwar.

Syed Hamid berkata memang tidak dapat dielakkan bahawa sesiapa sahaja yang dilantik akan mempunyai kepentingan dalam pelbagai bidang kerana mereka terdiri daripada anggota masyarakat yang mewakili pelbagai kepentingan.

"Itu sebabnya kita ada tokoh akademik, orang yang bergiat dalam NGO (pertubuhan bukan kerajaan), pengguna, bekas penjawat awam, aktivis sosial, ahli politik, bekas hakim, peguam. Kita memerlukan pandangan dari sudut humanities (kemanusiaan) dan sudut undang-undang," katanya.

Syed Hamid berkata keanggotaan Suhakam tidak boleh terikat kepada hanya mereka yang mempunyai pengetahuan tentang undang-undang sebaliknya perlu mempunyai kelonggaran dalam perspektif yang lebih meluas.

Beliau berkata kerajaan menyedari akan ada individu (anggota Suhakam) tertentu yang tidak semestinya bersependapat dengannya dan pada masa yang sama kerajaan juga mungkin tidak sependapat dengan Suhakam.

"Kita (kerajaan) juga mempunyai komen dan pandangan serta pendapat dan hak sebagai kerajaan yang mengurus dan memerintah negara ini," katanya.

Syed Hamid berkata Suhakam telah diterima oleh masyarakat, dan ini terbukti setelah pelbagai pihak serta kumpulan masyarakat merujuk kepada badan itu pelbagai perkara berhubung soal hak.

"Tidak semestinya cadangan serta syor yang dikemukakan oleh Suhakam akan dipersetujui sepenuhnya oleh kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

HS ZS MAI